

# 7 lagi hospital baru tanpa kertas sedang dibina

UM 7 AUG 2001

LUMUT 6 Ogos — Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad berkata, kerajaan sedang membina tujuh buah lagi hospital baru yang canggih dan tidak akan menggunakan kertas dalam memproses data-data perubatan.

Perdana Menteri memberitahu, hospital-hospital itu akan menggunakan sistem komputer dan teknologi terkini sepenuhnya.

“Tidak lama lagi Malaysia akan mempunyai perkhidmatan kesihatan yang terunggul di kalangan negara-negara membangun dan sebanding dengan negara-negara maju,”katanya.

Beliau menyatakan demikian ketika berucap merasmikan Hospital Angkatan Tentera Lumut (HATL) bernilai RM65 juta di Pangkalan Tentera Laut Diraja Malaysia (TLDM) di sini hari ini.

HATL yang siap dibina pada bulan Mei 1995 dilengkapi dengan pelbagai kemudahan dan peralatan canggih. Ia dibina untuk memenuhi keperluan Angkatan Tentera Malaysia (ATM).

Hospital itu mampu menyediakan perkhidmatan kepada 35,000 anggota tentera, tanggungan mereka, pesara tentera, kakitangan awam Kementerian Pertahanan dan penduduk di sekitar Pangkalan TLDM Lumut.

HATL juga merupakan hospital tunggal di negara ini dilengkapi dengan kerbuk hiperbarik dan mengendalikan rawatan untuk masalah perubatan bagi penyelam serta rawatan oksigen hiperbarik.

Dalam hubungan ini Perdana Menteri berkata, kerajaan dapat menyediakan segala kemudahan ini kerana keamanan yang terdapat di negara ini membolehkan tumpuan diberi kepada pembangunan dan penyediaan kemudahan untuk rakyat.

Beliau menegaskan, keamanan adalah suatu yang amat penting kerana tanpa keamanan, kerajaan tidak mungkin dapat menumpukan perhatian kepada pembangunan yang membawa kesejahteraan kepada rakyat.

“Sebab itu angkatan tente-

ra dalam semua perkhidmatan dianggap melakukan sumbangan yang amat berharga kepada negara yang bukan sahaja disanjung tinggi oleh rakyat malah dihargai oleh kerajaan,”tegasnya.

Sehubungan itu, Dr. Mahathir berharap khidmat yang tidak berbelah bagi atas perasaan tanggungjawab terhadap keselamatan negara akan diteruskan oleh semua anggota tentera supaya keamanan dan ketenteraman negara dapat dikekalkan.

“Dengan itu kita dapatlah membelanjakan wang yang banyak untuk menyediakan kemudahan-kemudahan seperti sekolah, universiti, hospital ini dan lain-lain untuk rakyat,”ujarnya.

Beliau berkata, jika keadaan tidak tenteram dan negara ini diserang oleh musuh-musuh dari luar atau pun kerana huru-hara yang mungkin dicetuskan oleh rakyat sendiri, maka lebih banyak wang perlu dibelanjakan untuk menjaga keamanan dalam negara.

“Dengan itu sudah tentulah kita tidak akan mumpu-

nyai wang yang cukup untuk menyediakan rakyat dengan kemudahan-kemudahan seperti hospital canggih ini yang terdapat hari ini,”ujarnya.

Dr. Mahathir gembira dengan kemudahan dan perkhidmatan yang terdapat di hospital itu yang dapat memberikan rawatan bagi para penyelam.

Beliau yakin hospital itu akan dapat menempatkan pesakit bukan sahaja di kalangan anggota tentera laut tetapi juga anggota tentera lain dan rakyat keseluruhannya.

“Saya yakin hospital ini akan terkenal sebagai satu pusat perubatan yang canggih dan mempunyai kepakaran khusus dalam bidang merawat para penyelam.

“Penyelam-penyelam sering terdedah kepada penyakit luar biasa yang tidak berlaku kepada orang lain yang tidak terlibat dalam kegiatan menyelam.